

GAMBARAN KEHIDUPAN ONSEN GEISHA BERDASARKAN KARYA NOBEL YASUNARI KAWABATA

Rohayati Paidi dan Siti Rohaini Kassim*

Abstract

This article attempts to explore the question of who or what a geisha is based on the life-story of a geisha named *Komaka* characterised by Yasunari Kawabata's popular novel *Desa Salji* (*Snow Country*). The common interpretation that has been popularised of the concept of a geisha is that of a individual who is an entertainer who has learned music and classical Japanese dances and who performs the music and dances at certain functions for the purpose of raising money to cover the costs of their artistic training. Nevertheless a closer examination of the geisha system that was popular in the past also reveals a certain other reality of the life of a geisha that is associated with the trade in women. This article revisits the concept of a geisha to consider the various other facets of the life of a geisha that has not received much attention previously.

Keywords: Geisha, Kawabata, Komaka, Desa Salji, Snow Country.

Pendahuluan

Artikel ini cuba memaparkan gambaran kehidupan golongan geisha di Jepun sambil mengupas persoalan tentang apakah/siapaakah seorang geisha itu sebenarnya. Persoalan sebegini seringkali diutarakan terutamanya oleh para pelajar yang ingin mendalami pengetahuan tentang kebudayaan Jepun yang sememangnya mempunyai perasaan ingin tahu yang sangat mendalam tentang salah satu daripada aspek kebudayaan tradisional Jepun ini. Isu utama yang seringkali menjadi tajuk perbincangan serius meliputi persoalan apakah geisha itu semata-mata berfungsi sebagai seorang penghibur seni, ataupun melakukan kerja-kerja yang lebih daripada itu?

Memang sukar untuk menjawab persoalan ini oleh kerana beberapa sebab antaranya, takrifan umum yang dipopularkan tentang konsep geisha. Konsep ini biasanya lebih berkaitan dengan tugas sebagai penghibur seni, dimana hampir semua para ilmuwan membayangkan seorang geisha sebagai individu yang mempelajari muzik dan tarian klasik Jepun dan mempersembahkan muzik dan tarian tersebut dalam majlis-majlis tertentu bagi tujuan mendapat bayaran untuk menampung kos pengajian seni mereka.¹ Walaubagaimanapun, terdapat juga segelintir individu yang giat mencuba untuk membuktikan bahawa geisha sebenarnya berkait rapat dengan pelacuran. Salah seorang daripada individu ini ialah Kiyoshi Kanzaki (1904–1979), seorang aktivis menentang pelacuran yang juga merupakan ketua bagi Persatuan Perlindungan Kanak-kanak Jepun

* Rohayati Paidi is a Ph.D candidate at the East Asian Studies Department, University of Malaya. Dr Siti Rohaini Kassim is a lecturer at the English Department, University of Malaya

(Nihon kodomo wo mamoru kai) yang telah banyak menulis artikel dalam jurnal dan surat khabar dalam tahun 1950-an, membincangkan tentang isu pelacuran dan perdagangan dalam sistem geisha Jepun.²

Sesungguhnya adalah sukar untuk membuat kesimpulan tentang apakah sebenarnya tugas seorang geisha kerana sungguhpun terdapat geisha yang terlibat dengan tugas selain daripada penghibur seni, masih boleh dipertikaikan tentang tujuan penglibatan itu, iaitu sama ada untuk tujuan perkhidmatan (yang menawarkan bayaran) ataupun secara sukarela atas dasar cinta kepada seseorang lelaki yang kebetulan merupakan seorang pelanggan di tempat geisha tersebut bekerja.

Oleh itu, artikel ini tidak meletakkan matlamat untuk memberikan gambaran menyeluruh tentang kehidupan golongan geisha di Jepun, sebaliknya cuba mengajak pembaca untuk sama-sama menilai tentang apakah/siapakah sebenarnya seorang geisha berdasarkan kepada kehidupan Komako, watak geisha yang dikisahkan dalam novel terkenal hasil karya Yasunari Kawabata, iaitu *Desa Salji*.

Desa Salji (Snow Country, 雪国, Yukiguni)

Pada tahun 1968, Yasunari Kawabata telah dinobatkan sebagai penulis Jepun pertama yang menerima Hadiah Nobel untuk Kesusasteraan atas kejayaannya menghasilkan karya kesusasteraan yang berseni dan halus berjudul *Yukiguni*. Novel ini kemudiannya diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Edward G. Seidensticker dengan judul *Snow Country*, manakala terjemahan bahasa Melayunya pula menggunakan judul *Desa Salji* telah disempurnakan oleh Ainon Abu Bakar. Dalam bab Pengenalan *Desa Salji*, Edward G. Seidensticker, ilmuwan terkenal dalam bidang Kesusasteraan Jepun, telah merumuskan secara jitu tentang potensi *Desa Salji* serta kekuatan yang ada pada Kawabata sebagai seorang penulis dalam pernyataan berikut:

Desa Salji mungkin merupakan karya agung Kawabata. Dalam perhubungan cinta Shimamura, Kawabata telah menemui satu simbol penafian cinta yang sempurna, dan dalam diri Komako sebagai wanita dan begitu juga dalam keindahan alam maya desa salji, Kawabata telah dengan jayanya menampilkan ke muka, gambaran penafian cinta itu melalui imbasan bahasa bak puisi *haiku*. Dan pada keseluruhannya, kejayaan novel ini sendiri merupakan semacam pengakuan tentang kemanusiaan yang dinafikan.³

Desa Salji merupakan sebuah kisah cinta antara seorang penggemar seni yang kaya yang berasal dari Tokyo bernama Shimamura, dengan seorang geisha bernama Komako yang tinggal di sebuah bandar air panas (*onsen machi*) yang terletak di bahagian utara Jepun. Bandar air panas di kawasan pergunungan di utara Jepun tersebut telah menjadi latar belakang kepada novel *Desa Salji* dengan kebanyakan plotnya berkisar di salah sebuah rumah tumpangan air panas (*onsen yado*) di kawasan itu.

Seperti yang dinyatakan dalam *Desa Salji*, sebuah rumah tumpangan air panas yang makmur pasti mempunyai geisha dan pembantu hotel wanita yang patuh mengikut kata.⁴ Geisha yang berkhidmat di rumah-rumah tumpangan di bandar air panas digelar *onsen geisha*⁵ (geisha air panas). Dalam kisah *Desa Salji*, Komako merupakan salah seorang

onsen geisha yang berkhidmat di bandar air panas tersebut. Malah, sebenarnya, karakter Komako dalam novel *Desa Salji* telah dibina oleh Kawabata berdasarkan kepada karakter seorang *onsen geisha* sebenar yang bernama Matsuei.⁶

Sistem Geisha

Merujuk kepada *Encyclopedia Britannica*, geisha ditakrifkan sebagai

seorang ahli kepada kelas wanita profesional di Jepun yang mana pekerjaan tradisinya adalah menghiburkan golongan lelaki, pada zaman moden, khususnya di majlis-majlis yang diadakan oleh para ahli perniagaan di restoren-restoren atau bilik-bilik teh⁷. Istilah geisha secara literalnya bermaksud “orang seni”, dan menyanyi, menari serta bermain *samisen* (instrumen menyerupai gitar) merupakan kebolehan yang mustahak bagi seseorang geisha, disamping kebolehan untuk menghidupkan perbualan. Ramai di kalangan geisha turut pakar dalam gubahan bunga, mempersembahkan upacara minum teh, ataupun kaligrafi. Fungsi utama seorang geisha adalah untuk menyediakan atmosfera yang bergaya dan bergemalai kepada para pelanggan yang kaya raya. Geisha biasanya berketerampilan yang sangat indah, berpakaian kimono tradisional dan berkelakuan penuh santun serta memiliki pengetahuan bukan sahaja tentang isu-isu silam tetapi juga kontemporari.⁸

Takrifan di atas memberikan gambaran umum tentang aktiviti seorang geisha yang lebih kepada penghibur seni berbanding pelacuran. Namun, perlu juga dinyatakan di sini tentang selok belok haluan yang perlu dilalui oleh seseorang gadis yang bermatlamat menjadi seorang geisha. Mengikut tradisi, para gadis akan melalui satu siri latihan sebelum menjadi seorang geisha, di mana mereka akan bermula sebagai pelatih yang digelar *maiko*. Golongan *maiko* sentiasa melakukan gerakan yang lebih mudah seakan-akan bermain-main dengan diri sendiri dan bukannya memegang peranan dalam tarian yang lebih bersandiwara yang biasanya dilakukan oleh geisha yang lebih berpengalaman.⁹ Selain daripada suatu bentuk latihan kesenian yang tertentu, mereka juga tertakluk kepada kod pakaian yang terperinci, amalan-amalan kecantikan, tanggungjawab terhadap kerja-kerja rumah, dan upacara ‘melangkah keluar’ yang diperhalusi sejak berzaman dalam sejarah sistem geisha yang panjang.¹⁰

Seorang gadis akan kekal sebagai *maiko* sehingga tibanya hari seorang lelaki mengambil kehormatannya. Kanzaki mengkritik amalan ini, yang digelar *mizuage*¹¹, di mana para gadis yang menjadi pelatih di ‘rumah-rumah geisha’ akan ‘dilelong’ kepada para lelaki untuk diambil kehormatannya buat pertama kali semasa berusia dalam lingkungan empat belas ke lima belas tahun.¹²

Sistem geisha, mengikut tradisinya merupakan satu bentuk pekerjaan yang melibatkan perjanjian bertulis, walaupun terdapat segelintir gadis yang secara sukarela melibatkan diri dalam pekerjaan ini kerana tertarik dengan gaya hidup yang glamor.¹³ Perjanjian ini adalah di antara ibu bapa si gadis dengan rumah-rumah geisha di mana apabila ibu bapa menyerahkan anak gadis sunti mereka kepada rumah geisha, mereka akan diberikan sejumlah wang oleh pemilik rumah geisha tersebut sebagai pinjaman. Kemudian, di bawah bimbingan seorang pengurus yang disebut *ookami*, rumah geisha akan mendidik si gadis tentang cara hidup sebagai seorang geisha, melatihnya cara-cara bermain alat

muzik dan menari. Rumah geisha juga akan menyediakan makanan dan pakaian untuk si gadis sehinggalah si gadis didapati mampu untuk melakukan tugasnya sebagai seorang geisha dan menjana pendapatan sendiri. Pendapatan hasil daripada bekerja sebagai geisha ini kemudiannya akan diserahkan kepada rumah geisha sebagai bayaran semula wang yang dipinjamkan kepada ibu bapa mereka suatu ketika dahulu termasuk kos penjagaan si gadis selama dia menetap di rumah geisha tersebut.

Walaubagaimanapun, ketika berumur dalam lingkungan 20 tahun, si gadis (*maiko*) akan diberi pilihan sama ada mahu meneruskan kehidupan sebagai geisha ataupun tidak.¹⁴ Sudah menjadi satu syarat utama dalam sistem geisha di mana seorang geisha tidak dibenarkan berkahwin. Sekiranya seorang *maiko* merancang untuk berkahwin, maka dia tidak akan dibenarkan menjadi seorang geisha. Begitu juga dengan seseorang yang telah lama bekerja sebagai geisha, mereka juga perlu bersara sekiranya merancang untuk mendirikan rumahtangga. Kebanyakan geisha akan menamatkan profesyen mereka sebagai geisha dengan menjadi seorang pemilik restoren, guru muzik, guru tarian, ataupun jurulatih kepada golongan geisha muda.¹⁵

Sistem geisha yang dinyatakan di atas walaubagaimanapun telah melalui satu proses reformasi selepas Perang Dunia Kedua apabila Kementerian Buruh mengeluarkan lesen kepada persatuan-persatuan industri geisha (yang disebut *kenban*) untuk berfungsi sebagai agensi perantara pekerjaan yang merekrut para geisha sebagai kontraktor bebas dan mengubah corak pentadbiran rumah-rumah geisha daripada sebuah rumah yang dikawal ketat oleh *ookami* kepada sekadar sebuah asrama pekerja di mana para geisha lebih bebas untuk mengatur kehidupan mereka sendiri.¹⁶ Anak gadis yang berminat untuk menjadi seorang geisha pada zaman ini juga biasanya memulakan latihan mereka selepas tamat pendidikan sekolah menengah rendah, sekolah menengah tinggi mahupun kolej.¹⁷ Apa yang paling penting, pelacuran sah (*legal prostitution*) di Jepun telah dihapuskan pada tahun 1957, namun geisha tidak disentuh, menunjukkan bahawa geisha – dalam istilah yang terbaik – bukan pelacur¹⁸ (sekurang-kurangnya dari segi undang-undang).

Secara umumnya, geisha boleh dikategorikan kepada beberapa golongan iaitu *kakae*, *jimae* dan *tateki-age*. *Kakae* ialah golongan geisha yang berada di bawah kawalan *ookami* dan tinggal di rumah-rumah geisha serta terikat dengan kontrak untuk sesuatu tempoh. *Jimae* pula adalah golongan geisha yang berdikari, menanggung kos sebagai geisha (membeli kimono, perhiasan, latihan tarian dan sebagainya) sendiri dan tinggal di rumahnya sendiri. *Tateki-age* pula merupakan golongan geisha yang berdikari dari segi kewangan (tidak terikat dengan kontrak) tetapi melibatkan diri dengan rumah-rumah geisha atas sebab-sebab memerlukan orang tengah untuk memperkenalkan dirinya dengan pihak restoren atau para pelanggan.¹⁹

Komako

Bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang kehidupan seorang geisha di Jepun, artikel ini cuba mengupas perjalanan hidup Komako, watak protagonis wanita dalam novel *Desa Salji* yang berkhidmat sebagai *onsen geisha* di salah sebuah bandar air panas yang terletak di kawasan pergunungan di utara Jepun.

Komako berumur dalam lingkungan 20 tahun dan tinggal di rumah seorang guru muzik (tidak dinyatakan namanya) yang mempunyai pengalaman menjadi seorang geisha dan

mempunyai seorang anak lelaki. Namun, setelah guru muzik tersebut meninggal dunia, Komako tinggal di sebuah rumah geisha yang dimiliki oleh seorang penjual tembakau dan gula-gula, di bawah kontrak sah selama empat tahun. Didapati rumah-rumah geisha tidak terhad kepada rumah-rumah tumpangan atau restoren-restoren yang besar sahaja, sebaliknya mana-mana pemilik rumah juga boleh menjadikan rumahnya sebagai rumah geisha, merujuk kepada petikan-petikan berikut:

Rumah yang ada geisha selalunya mempunyai kain langsir yang sudah lusuh yang mengiklankannya sebagai restoren atau rumah teh...²⁰

Kedai yang menjual coklat atau barangan runcit juga ada kemungkinan mempunyai seorang geisha.²¹

Sewaktu pertama kali Komako bertemu dengan Shimamura, dia masih belum menjadi seorang geisha yang sah di bandar air panas tersebut, namun kadangkala dia turut membantu di majlis-majlis keraian sekiranya diperlukan, tetapi akan meninggalkan majlis tersebut selepas satu atau dua tarian.²² Situasi Komako pada ketika itu diterangkan dengan lebih lanjut oleh pembantu rumah tumpangan kepada Shimamura sebagaimana berikut:

Guru samisen dan tarian mempunyai seorang (anak) gadis yang bukan seorang geisha tetapi kadang kala dia diminta membantu di majlis-majlis yang besar. Oleh sebab tiada geisha pelatih yang muda di pekan itu, dan oleh sebab kebanyakan geisha tempatan berada di peringkat umur yang mana mereka lebih suka kalau tidak perlu menari, perkhidmatan gadis tersebut sangat-sangat diperlukan. Dia tidak pernah datang sendiri untuk melayan tetamu di rumah tumpangan, namun dia tidak boleh dianggap seorang amatir.²³

Gadis yang dimaksudkan di atas adalah Komako dan pada ketika itu Komako berusia 19 tahun. Sebenarnya, Komako pernah diberi kontrak sebagai geisha di Tokyo sebelum dia pulang semula ke kampung halamannya di desa salji itu apabila berlaku satu peristiwa yang menyayat hatinya. Sewaktu Komako sedang melakukan tugasnya iaitu *oshaku* (menuangkan sake²⁴ kepada pelanggan) dia bertemu dengan seorang lelaki yang menawarkan dirinya untuk menjadi *danna* (penaung/pelanggan tetap) kepada Komako dan membayar segala hutang piutangnya serta bercadang menjadikannya seorang guru tarian. Malangnya, satu setengah tahun kemudian, *danna* tersebut meninggal dunia dan Komako hilang tempat bergantung lalu dia kembali ke desa salji. Jadi, tidak hairanlah mengapa Komako tidak boleh dianggap sebagai amatir. Komako mempunyai pengetahuan yang luas tentang *Kabuki* serta segala-galanya yang perlu diketahui tentang lelaki.²⁵ Malah, Komako sangat berkebolehan dalam bermain *samisen* di mana dia mempelajari lagu-lagu baru hanya berdasarkan skor muzik tanpa sesiapa pun mengajarnya.²⁶

Namun, sewaktu kunjungan Shimamura buat kali kedua ke rumah tumpangan tersebut, didapati Komako telah menjadi seorang geisha sepenuhnya berdasarkan kepada gaya pemakaian kimono Komako. Gaya pemakaian kimono membawa maksud yang tersendiri. Dalam *Desa Salji*, terdapat beberapa senario yang memberitahu pembaca tentang wujudnya perbezaan dari segi gaya pemakaian kimono serta maksud di sebalik

perbezaan itu. Antaranya ialah sewaktu Shimamura digambarkan sedang terkejut apabila melihat Komako (buat pertama kalinya dalam lawatannya pada tahun itu) berpakaian tidak seperti sebelumnya. Dalam babak itu Komako mengenakan kimono dengan bahagian skirtnya panjang meleret. Sebaik sahaja Shimamura terpandang gaya pemakaian kimono yang terperaga pada diri Komako itu, Shimamura terus membuat andaian bahawa Komako telah menjadi seorang geisha. Perkara ini ditunjukkan dalam babak berikut:

Shimamura terkejut (a)abila dia ternampak skirt panjang itu – dia sudah menjadi geisha akhirnya?²⁷

Didapati gaya pemakaian kimono dibezakan antara golongan geisha dan wanita selain geisha dengan meletakkan perbezaan tersebut kepada kepanjangan skirt kimono yang dipakai. Selain daripada itu, warna kimono yang dipakai juga membawa maksud yang tertentu.

... Shimamura terpandang bahagian belakangnya yang dilapik kimono yang juga berwarna merah pekat.²⁸

Kimono yang dipakai semalam tergantung di dinding, kimono ini terdedah lalu mempamerkan anak kimono yang berwarna merah cerah.²⁹

Anak kimono berwarna merah yang melekat pada kulitnya lesap ketika dia mendongak.³⁰

Didapati Komako hanya memakai anak kimono (*nagajuban*) yang berwarna merah. Kimono biasanya dipakai dengan sekurang-kurangnya satu lapisan anak kimono. Sewaktu zaman Heian (794-1185), kimono dipakai sehingga maksimum 12 lapisan dan gaya pemakaian ini disebut *juni-hitoe*. Setiap lapisan anak kimono akan ditunjukkan secara tersusun di bahagian kolar, lengan dan hujung skirt. Begitu juga dengan kimono yang dipakai hanya dengan dua lapisan. Bagi kes Komako, dia mengenakan anak kimono berwarna merah yang boleh dilihat apabila berada dalam postur biasa, tetapi anak kimono tersebut tidak kelihatan sewaktu dia mendongak disebabkan kimono di lapisan luar yang lebih mengekalkan postur berbanding anak kimono di lapisan dalam yang begitu mengikut bentuk tubuh badan si pemakai. Warna merah yang dipakai juga membawa maksud yang tertentu di mana golongan geisha telah ditetapkan untuk memakai anak kimono berwarna merah atau merah jambu manakala golongan maiko pula diperlukan memakai anak kimono berwarna merah bercorak putih sebagai lapisan dalam.³¹

Selain daripada anak kimono, cara pemakaian obi (kain yang dibalut di pinggang dan dijadikan reben) juga membezakan antara kimono geisha dengan kimono biasa. Kimono geisha biasanya mengenakan balutan obi yang lebih tinggi ke paras dada berbanding kimono biasa. Hal ini dapat dikenalpasti melalui senario berikut:

Buah adanya agak berisi memandangkan dia sentiasa memakai balut obi yang tinggi yang dipakai oleh kaum geisha.³²

Gaya penampilan geisha tidak hanya dibezakan melalui kimono yang dipakai, tetapi juga solekan wajahnya. Ini dapat dipastikan melalui kenyataan berikut dalam *Desa Salji*:

Bedaknya tebal lagi putih, yang lazim terdapat pada geisha.³³

Seperkara lagi yang dapat dipastikan tentang cara penampilan golongan geisha ialah mereka sentiasa memakai kimono. Walaubagaimanapun, ada sedikit kelainan bagi kes *onsen geisha* dalam *Desa Salji* di mana mereka tinggal di penempatan yang sejuk dan diliputi salji setebal sehingga dua belas atau tiga belas kaki terutamanya pada musim salji lebat. Geisha dalam *Desa Salji* didapati memakai kimono yang tipis pada musim panas, tetapi memakai kimono bulu pada musim sejuk. Selain daripada itu, mereka perlu memakai sejenis pakaian yang dipanggil “seluar gunung” (*sanpaku*) bagi memudahkan pergerakan dalam musim salji. Kemestian untuk memakai kimono bagi seorang geisha dapat disahkan dengan melihat kepada Komako yang tetap memakai kimono (yang berciri-cirikan skirt panjang) walaupun sewaktu mengenakan “seluar gunung”.

“... Setiap kali aku nak berjumpa kau aku pakai kimono baharu, nah sekarang aku tak ada kimono baharu lagi.”³⁴

Sebaliknya dia memakai kimono musim panas yang lembut yang tidak berlapik dengan menekankan unsur-unsur peribadi.³⁵

Kimono bulunya yang sederhana itu kelihatan seperti baru dicuci.³⁶

Si gadis terpaksa memakai but getah tinggi dengan “seluar gunung” yang besar atas pakaian kimononya untuk pergi ke parti, dia akan memakai topi dan penutup muka.³⁷

Wanita ini ialah geisha yang pernah dilihat dik Shimamura bersama-sama Komako dalam sebuah iklan yang memaparkan mereka di atas papan ski memakai “seluar gunung” di sebelah luar kimono mereka.³⁸

Gambaran yang lebih jelas tentang kimono dan “seluar gunung” di *Desa Salji* ada dinyatakan secara lebih terperinci oleh Kawabata sewaktu menerangkan tentang pakaian Yoko (gadis yang turut tinggal di rumah guru muzik bersama Komako).

... namun corak obinya yang garang yang nampak sekerat sahaja di sebalik seluarnya, membuat seluar yang berjalur-jalur hitam dan coklat itu kelihatan segar dan mesra, dan sebab itu jugalah lengan panjang kimono bulunya kelihatan menawan. Seluar itu terbelah di bawah paras lutut, mengetat ke arah pinggang dan kain kapas tebal itu yang begitu kejang kelihatan lembut dan licin.³⁹

Berkenaan dengan kontrak sebagai geisha yang dipegang antara Komako dengan tuan rumah tempat dia menetap, iaitu pemilik kedai tembakau dan gula-gula, gambaran tentang apakah yang terkandung di sebalik kontrak tersebut boleh didapati daripada skrip berikut:

"... Kalau aku mahu, aku boleh memendekkan kontrak aku di sini dari empat tahun kepada dua tahun sahaja tapi aku tak mahu membebankan diriku. ... Bayangkan jumlah wang yang akan aku perolehi sekiranya aku benar-benar berusaha. ... Aku faham benar tentang jumlah yang harus dijelaskan setiap bulan untuk membayar hutang, bunganya, dan cukai, serta juga untuk membiayai aku..."⁴⁰

Berkenaan dengan rutin pekerjaan Komako sebagai *onsen geisha* pula, ianya dapat dipastikan berdasarkan petikan-petikan berikut:

Saban hari Komako mandi air panas yang terkenal dengan suhu panasnya yang berkekalan. Dia terpaksa berjalan sejauh dua batu atau lebih antara parti di air panas lama dan air panas baru, dan di pergunungan ini segelintir sahaja parti yang membuat dia berjaga lewat.⁴¹

"... Ada enam parti tapi aku menghadiri hanya empat. Minggu depan kami sibuk bila orang ramai datang untuk melihat dedaunan maple..."⁴²

"Kerjanya teruk. Ada tiga puluh tetamu tapi kami bertiga saja. Yang dua lagi itu, seorang adalah geisha yang paling tua di kalangan kami dan seorang lagi, yang paling muda di pekan ini, maka terpaksa aku bekerja kuat... Kita memerlukan sekurang-kurangnya enam geisha kalau ada tiga puluh tamu."

"... Kalau sesuatu parti itu tidak mendatangkan faedah aku akan curi-curi balik, dan selalunya mereka tidak memanggil aku pada lewat malam walaupun dari rumah tumpangan kecuali kalau ada tetamu lama yang inginkan khidmat aku..."⁴³

Terdapat juga satu babak dalam *Desa Salji* yang memberi idea kepada pembaca tentang realiti pekerjaan seorang *onsen geisha* berkaitan dengan isu pelacuran. Babak ini adalah sewaktu Shimamura mengarahkan Komako supaya memanggilkan seorang geisha untuknya.

"Terpulanglah kepada geisha itu sama ada dia hendak bermalam atau tidak. Sekiranya si geisha bermalam tanpa izin daripada majikannya, itu dianggap tanggungjawabnya sendiri. Sekiranya dia mendapat izin maka majikannyalah yang bertanggungjawab sepenuhnya, tidak kira apa-apa yang terjadi. Itulah sahaja perbezaannya."

"Bertanggungjawab sepenuhnya?"

"Kalau secara kebetulan dia mengandung atau dijangkiti penyakit."⁴⁴

Babak ini menunjukkan bagaimana seorang pengunjung di rumah tumpangan air panas boleh meminta supaya pihak rumah tumpangan memanggilkan geisha untuk datang dan memberikan perkhidmatan peribadi. Perkataan 'mengandung' dan 'dijangkiti penyakit' yang disebut oleh Komako pula mengesahkan lagi bahawa layanan yang diberikan oleh geisha kepada pelanggan bukan semata-mata layanan biasa, namun berkemungkinan layanan yang lebih intim.

Berkenaan dengan bayaran untuk perkhidmatan yang telah diberikan oleh Komako kepada Shimamura, ia dapat dilihat berdasarkan senario berikut:

Ketika Shimamura sedang menukar pakaian untuk menaiki kereta api jam tiga tengah hari esok, pengurus rumah tumpangan itu memanggil Komako ke dalam dewan.

“Baiklah. Katalah kita tulis sebelas jam,” dia dapat mendengar jawapan Komako.

Ternyata mereka sedang membincangkan bayaran perkhidmatannya sebagai geisha dan pengurus itu mungkin berpendapat adalah tidak wajar kalau dikenakan bayaran untuk keseluruhan enam belas atau tujuh belas jam.

Pada hakikatnya bil dibuat mengikut jam – “Pulang jam lima,” atau “Pulang jam dua belas” – tanpa dikenakan bayaran perkhidmatan bermalam.⁴⁵

Dalam *Desa Salji*, ada disebut tentang gosip yang mengatakan bahawa Komako menjadi geisha kerana ingin menampung kos perubatan tunangnya iaitu anak lelaki guru muzik yang mana Komako pernah tinggal menetap di rumahnya. Namun Komako menafikan bahawa dia telah bertunang dan membuat pengakuan bahawa dia menjadi geisha bukan semata-mata hendak menolong lelaki itu, sebaliknya dia berasa terhutang budi kepada guru muzik tersebut.⁴⁶

Komako mempunyai seorang teman yang juga seorang geisha bernama Kikuyu dan berusia 26 tahun. Walaubagaimanapun, sewaktu Shimamura mengunjungi desa tersebut buat kali ketiga, Kikuyu baru sahaja selesai mengadakan majlis perpisahannya.

Kontrak Kikuyu sudah tamat tempohnya, maka dia akan pulang ke rumah asalnya. Adakah dia akan berkahwin atau adakah dia akan membuka sebuah rumah tumpangan atau restorannya sendiri? Shimamura bertanya.⁴⁷

“Kikuyu sepatutnya menguruskan Kikumura (nama restoran), tetapi di saat-saat terakhir dia menukar fikirannya. ... Dia mendapatkan seorang penaung untuk membina restoran itu untuknya, dan apabila dia sudah bersiap sedia untuk menguruskannya, dia melepaskan diri. Dia menemui seseorang yang amat disukainya dan bersedia mengahwininya, malangnya lelaki itu cabut lari dan meninggalkannya terkontang-kanting. ... Dia tak boleh melakukan kerja lamanya, dan dia tidak boleh mengambil alih restoran itu setelah ditolaknya peluang keemasan itu...”⁴⁸

Kisah hidup Kikuyu ini memberi gambaran tentang bagaimana kemungkinan seseorang geisha akan menghabiskan usia hidupnya selepas keluar dari dunia geisha.

Seni atau Seks?

Persoalan tentang apakah/siapakah geisha itu sebenarnya, serta adakah pekerjaan seorang geisha hanya terhad kepada tugas-tugas kesenian sahaja serba sedikit boleh dijawab berdasarkan gambaran yang diberikan oleh Kawabata menerusi novel *Desa*

Salji. Jika merujuk kepada rutin pekerjaan Komako, dia dikehendaki menghadiri majlis-majlis keraian yang diadakan di rumah-rumah tumpangan dan menjalankan tugas sebagai 'pengelola tetamu' (menggunakan istilah yang digunakan oleh Norma iaitu 'hostess') seperti menuangkan minuman, menari dan bermain alat muzik untuk tujuan menghiburkan para tetamu. Tetapi, pada masa yang sama, Komako juga ada memberikan perkhidmatan secara peribadi dengan datang ke bilik tidur tetamu dan bermalam di situ. Selain daripada itu, kenyataan bahawa Komako perlu menandatangani kontrak bersama seorang lelaki yang berkuasa penuh terhadapnya sepanjang tempoh kontrak bagi tujuan mendapatkan kos pembiayaan hidupnya turut memberikan satu maksud tertentu berkenaan isu pelacuran dan perdagangan wanita. Jadi, boleh dibuat kesimpulan bahawa kehidupan geisha yang sebenarnya tidaklah terhad kepada aktiviti-aktiviti kesenian semata-mata, namun imej yang diberikan terhadap profesyen tersebut berjaya menunjukkan ia adalah satu bentuk kesenian tradisional.

Pernyataan ini mungkin boleh disokong dengan penjelasan Caroline Norma⁴⁹ dalam artikelnya berjudul 'A Past Re-imagined for the Geisha: Saviour of the 1950's Japanese Sex Industry', di mana Norma menyatakan bahawa sistem geisha telah memperoleh status sosial pada satu tahap yang tertentu sehingga, apabila langkah-langkah membanteras pelacuran mula dipertimbangkan dalam masyarakat Jepun, 'penghormatan' terhadapnya menjadi pemisah dan pembeza baginya dengan aktiviti lain dalam industri seks. Tambah Norma lagi, penjalinan muzik tradisional dan tarian semasa para wanita berkenaan 'mengelolakan tetamu' dari kalangan lelaki di dalam sistem geisha memberikan 'pengelolaan tetamu' tersebut suatu bayangan kesahihan, yang mengalihkan perhatian daripada pelacuran dan perdagangan para wanita yang berkait dengan peranan pengelolaan tetamu sepanjang sejarah Jepun moden. Dengan kata lain, wujud kepercayaan bahawa model 'pengelola tetamu' ini ialah sesuatu yang lain daripada, atau sesuatu yang lebih baik (atau mulia) berbanding pelacuran.⁵⁰

Kesimpulan

Secara umumnya, boleh dibuat kesimpulan bahawa golongan geisha sekitar tahun 1950an berada di bawah satu sistem di mana mereka bernaung di bawah kontrak yang dipegang oleh mana-mana pemilik yang dapat menampung kos kehidupan mereka. Sebagai gantinya mereka perlu berkhidmat sebagai pengelola tetamu dengan melakukan tugas-tugas seperti menuangkan air kepada pelanggan, menghiburkan pelanggan dengan tarian dan muzik yang dipersembahkan, tidak terkecuali perkhidmatan peribadi sekiranya diperlukan. Pekerjaan ini dianggap sah dari segi undang-undang dan mendapat keistimewaan apabila ianya lebih diiktiraf sebagai satu bentuk kesenian tradisional dan dipisahkan jauh daripada kegiatan pelacuran yang umum. Walaubagaimanapun, perlu ditekankan di sini, corak kehidupan geisha yang digambarkan dalam *Desa Salji* mungkin tidak dapat mewakili corak kehidupan keseluruhan geisha di Jepun. Terdapat dua sebab untuk perkara ini iaitu yang pertama, kehidupan geisha yang digambarkan dalam *Desa Salji* hanya tertumpu kepada golongan geisha yang tinggal dan berkhidmat di kawasan rumah tumpangan air panas, atau lebih khususnya *onsen geisha*, yang mana tuntutan pekerjaan mereka pastinya berbeza dengan golongan geisha yang tinggal dan berkhidmat di bandar-bandar besar seperti Tokyo dan Kyoto. Sebab yang kedua pula ialah *Desa Salji* sendiri merupakan sebuah novel dan bukannya biografi di mana masih boleh disangkal tentang unsur-unsur fiksiennya.

Nota

- 1 Norma, Caroline, 'A past re-imagined for the Geisha: Saviour of the 1950's Japanese sex industry,' The Free Library 01 January 2008. Dicapai pada 1 Disember 2009 [http://www.thefreelibrary.com/A past re-imagined for the Geisha: Saviour of the 1950's Japanese sex...-a0192853048](http://www.thefreelibrary.com/A+past+re-imagined+for+the+Geisha:+Saviour+of+the+1950's+Japanese+sex...-a0192853048).
- 2 Ibid.
- 3 Ainon Abu Bakar 1993, *Desa Salji*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. xix.
- 4 Ibid., hlm. xiv.
- 5 Selain daripada *onsen geisha* iaitu *geisha* yang berkhidmat di rumah-rumah tumpangan di kawasan air panas, terdapat beberapa istilah lain bagi membezakan kelompok-kelompok *geisha* di Jepun antaranya *machi geisha*, *chihou geisha*, *bazoku geisha*, *dansu geisha*, *Daruma geisha*, *gakusei geisha*, *haori geisha*, *kido geisha*, *korobi geisha*, *otoko geisha*, *shiro geisha*, *shomben geisha*, *Taisho geisha*, *uchi geisha* dan banyak lagi. Untuk penjelasan lanjut, sila rujuk Liza Dalby.
- 6 http://en.wikipedia.org/wiki/Snow_Country. Dicapai pada 30 November 2009.
- 7 Para *geisha* selalunya tinggal berdekatan dengan kuil, di kawasan yang dipanggil hanamichi. Para *geisha* menghiburkan para pengunjung di bilik-bilik teh yang disebut *o-chaya* dalam bahasa Jepun, yang terletak berhampiran dengan kawasan ini. *O-chaya* bukannya sebuah kedai yang hanya menghidangkan teh atau kopi, tetapi lebih kepada sebuah dewan *banquet* di mana terdapat bilik-bilik yang boleh disewa untuk tujuan majlis-majlis makan malam. Biasanya, ia berupa sebuah rumah geya Jepun yang kecil, lengkap dengan *tatami* (tikar jerami) serta taman ala Jepun. *O-chaya* adalah tempat di mana golongan *geisha* muda biasanya menetap dan bekerja. Dari <http://www.asianartmall.com/geishaarticle.htm>. Dicapai pada 1 Disember 2009.
- 8 **geisha**, *Encyclopædia Britannica*. Dicapai pada 29 November 2009, dari Encyclopædia Britannica Online: <http://www.britannica.com/EBchecked/topic/227857/geisha>.
- 9 Dalby, Liza C., *Geisha*, Berkeley: University of California Press, 1983, p.12.
- 10 Norma, *ibid*.
- 11 Untuk maklumat lanjut tentang *mizuage*, sila rujuk Dalby, Liza C., pp.109-111.
- 12 Norma, *Ibid*.
- 13 **geisha**, *Encyclopædia Britannica*. Dicapai pada 29 November 2009, dari Encyclopædia Britannica Online: <http://www.britannica.com/EBchecked/topic/227857/geisha>.
- 14 <http://www.asianartmall.com/geishaarticle.htm>. Dicapai pada 1 Disember 2009.
- 15 **geisha**, *Encyclopædia Britannica*. Dicapai pada 29 November 2009, dari Encyclopædia Britannica Online: <http://www.britannica.com/EBchecked/topic/227857/geisha>.
- 16 Norma, *Ibid*.
- 17 <http://en.wikipedia.org/wiki/Geisha>. Dicapai pada 1 Disember 2009.
- 18 Dalby, Liza C., p.57.
- 19 Bedini, Silvio A., 'Time measurement with incense in Japan', In the Flower and Willow World, <http://www.japanese-incense.com/geisha-bedini.htm>, Dicapai pada 2 Disember 2009.
- 20 *Desa Salji*, p.28.
- 21 *Desa Salji*, p.28.
- 22 *Desa Salji*, p.16.
- 23 *Desa Salji*, p.17.
- 24 Sake ialah sejenis arak Jepun.
- 25 *Desa Salji*, p.19.

- 26 *Desa Salji*, p.75.
27 *Desa Salji*, pp.13-14.
28 *Desa Salji*, p.41.
29 *Desa Salji*, p.59.
30 *Desa Salji*, p.141.
31 <http://en.wikipedia.org/wiki/Geisha>. Dicapai pada 2 Desember 2009.
32 *Desa Salji*, p.34.
33 *Desa Salji*, p.14.
34 *Desa Salji*, p.158.
35 *Desa Salji*, p.18.
36 *Desa Salji*, p.137.
37 *Desa Salji*, p.52.
38 *Desa Salji*, p.98.
39 *Desa Salji*, p.61.
40 *Desa Salji*, pp.115-116
41 *Desa Salji*, pp.113-114.
42 *Desa Salji*, p.135.
43 *Desa Salji*, p.116.
44 *Desa Salji*, p.27.
45 *Desa Salji*, pp.85-86
46 *Desa Salji*, p.72.
47 *Desa Salji*, p.104.
48 *Desa Salji*, p.105.
49 Norma, *ibid.*
50 *ibid.*